



17 Disember 2014  
17 December 2014  
P.U. (A) 336

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN  
BAGI PERBELANJAAN BERHUBUNG DENGAN YURAN  
KESETIAUSAHAAN DAN YURAN PEMFAILAN CUKAI)  
2014

*INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENSES IN RELATION  
TO SECRETARIAL FEE AND TAX FILING FEE ) RULES 2014*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN  
BERHUBUNG DENGAN YURAN KESETIAUSAHAAN DAN YURAN PEMFAILAN CUKAI)  
2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dibaca bersama dengan perenggan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2014**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2015 berkenaan dengan potongan di bawah perenggan 2(1)(a) dan subperenggan 2(1)(b)(ii).

(3) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2016 berkenaan dengan potongan di bawah subperenggan 2(1)(b)(i).

**Potongan**

2. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan orang yang bermastautin di Malaysia daripada perniagaannya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi perbelanjaan yang berikut:

(a) yuran kesetiausahaan yang dikenakan berkenaan dengan perkhidmatan kesetiausahaan yang diberikan oleh seorang setiausaha syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] untuk mematuhi kehendak statutori di bawah Akta itu, yang dilakukan dan dibayar oleh orang itu dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu; dan

- (b) yuran pemfailan cukai yang dikenakan oleh seseorang ejen cukai yang diluluskan di bawah Akta atau Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762] yang dilakukan dan dibayar oleh orang itu dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu berkenaan dengan—
- (i) penyediaan dan pengemukaan borang nyata dalam borang yang ditetapkan bagi maksud seksyen 77, 77A, 77B, 83 dan 86 Akta bagi tempoh asas bagi tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran itu; dan
  - (ii) penyediaan dan pengemukaan borang yang ditetapkan bagi maksud seksyen 107C Akta atau penyata dalam borang yang ditetapkan bagi maksud seksyen 41 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

(2) Jumlah amaun potongan yang dibenarkan di bawah perenggan (1)(a) tidak boleh melebihi lima ribu ringgit bagi suatu tahun taksiran.

(3) Jumlah amaun potongan yang dibenarkan di bawah perenggan (1)(b) tidak boleh melebihi sepuluh ribu ringgit bagi suatu tahun taksiran.

Dibuat 10 Disember 2014

[Perb.CR(8.20)116/1-138(2014)JLD.2(SK.5);LHDN01/35/(S)/42/51/286-48;  
PN(PU2)80/LXXV]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Menteri Kewangan Kedua*

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

## INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENSES IN RELATION TO SECRETARIAL FEE AND  
TAX FILING FEE) RULES 2014

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) read together with paragraph 33(1)(d) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Deduction for Expenses in relation to Secretarial Fee and Tax Filing Fee) Rules 2014**.

(2) These Rules have effect from the year of assessment 2015 in respect of deduction under paragraph 2(1)(a) and subparagraph 2(1)(b)(ii).

(3) These Rules have effect from the year of assessment 2016 in respect of deduction under subparagraph 2(1)(b)(i).

**Deduction**

2. (1) For the purpose of ascertaining the adjusted income of a person resident in Malaysia from his business in the basis period for a year of assessment, a deduction shall be allowed for expenses as follows:

(a) secretarial fee charged in respect of secretarial services provided by a company secretary registered under the Companies Act 1965 [Act 125] to comply with the statutory requirements under that Act, which is incurred and paid by the person in the basis period for that year of assessment; and

(b) tax filing fee charged by a tax agent approved under the Act or the Goods and Services Tax Act 2014 [Act 762] which is incurred and paid by the person in the basis period for that year of assessment in respect of—

- (i) the preparation and submission of return in the prescribed form for the purposes of sections 77, 77A, 77B, 83 and 86 of the Act for the basis period for the immediately preceding year of assessment; and
- (ii) the preparation and submission of forms prescribed for the purposes of section 107C of the Act or a return in the prescribed form for the purposes of section 41 of the Goods and Services Tax Act 2014 in the basis period for that year of assessment.

(2) The total amount of deduction allowed under paragraph (1)(a) shall not exceed five thousand ringgit for a year of assessment.

(3) The total amount of deduction allowed under paragraph (1)(b) shall not exceed ten thousand ringgit for a year of assessment.

Made 10 December 2014

[Perb.CR(8.20)116/1-138(2014)JLD.2(SK.5);LHDN01/35/(S)/42/51/286-48;  
PN(PU2)80/LXXV]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Second Minister of Finance*

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]*